



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BADMINTON BERPASUKAN

1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2.0 PERATURAN AM

- 2.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Badminton Sedunia (IBF) seperti yang diluluskan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM).
- 2.2 Sekiranya timbul perselisihan dari segi pentafsirannya, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 2.3 Kejadian di luar jangkaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
 - 2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berasaskan kepada undang-undang Persekutuan Badminton Sedunia (IBF) dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) .
- 2.4 Semua acara akan menggunakan sistem kiraan dua puluh satu (21) mata atau '*Rally Point Scoring System* (3 X 21) mengikut peraturan IBF.
- 2.5 Selain daripada peraturan diatas, **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan** adalah **berhak** meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini.
- 2.6 Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am **KARNIVAL SUKAN DVS**.
- 2.7 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

3.0 PENDAFTARAN

- 3.1 Setiap kontinen hendaklah mendaftarkan satu (1) pasukan tidak melebihi **Sembilan (9)** bagi acara berikut :
 - 3.1.1 Perseorangan Terbuka Lelaki
 - 3.1.2 Bergu Terbuka Lelaki
 - 3.1.3 Bergu Terbuka Wanita
- 3.2 Jumlah maksima terdiri dari Lima (5) Lelaki termasuk simpanan, Tiga (3) Orang wanita termasuk simpanan serta Seorang (1) Pengurus. (Pengurus juga boleh berdaftar sebagai pemain)
- 3.3 Bagi setiap kategori, peringkat umur adalah terbuka.
- 3.4 Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 3.5 **Seorang (1)** pemain hanya dibenarkan mengambil **satu (1)** acara sahaja.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BADMINTON BERPASUKAN

- 3.6 Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.7 Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 3.8 Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11.**

4.0 ACARA-ACARA

- 4.1 Format susunan acara-acara adalah seperti berikut:

- 4.1.1 Perseorangan Lelaki Terbuka**
- 4.1.2 Beregu Lelaki Terbuka**
- 4.1.3 Beregu Wanita Terbuka**

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Sebagaimana terkandung didalam **Peraturan Am Perkara 15.**

6.0 PEMBERIAN MATA DAN PENENTUAN KEMENANGAN

6.1 Sistem Liga

PENENTUAN	MATA / MARKAH
Menang	3
Kalah	0

- 6.1.1** Pasukan yang mendapat jumlah mata terbanyak akan menjadi johan kumpulan.
- 6.1.2** Jika terdapat **HANYA** dua (2) pasukan yang mendapat mata yang sama, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira pemenang.
- 6.1.3** Jika lebih dari dua (2) pasukan yang mendapat mata yang sama, pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan (*difference*) dari jumlah perlawanan (*matches*), set dan angka-angka mata yang telah diperolehi oleh pasukan- pasukan berkenaan.
- 6.1.4** Jika di para 6.1.3 didapati sama, maka pasukan-pasukan berkenaan akan diputuskan secara undian.

7.0 MASA PERTANDINGAN

- 7.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 7.2 Sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) minit** sebelum bermulanya perlawanan tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama pemain kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan menggunakan borang yang telah disediakan.
- 7.3 Sekiranya pasukan yang bertanding gagal hadir pada masa perlawanan yang dijadualkan akan diberi masa tangguhan selama **sepuluh (10) minit**. Jika setelah tamat tempoh masa yang diberikan, pasukan tersebut tidak juga hadir maka



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BADMINTON BERPASUKAN

kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan yang hadir.

7.4 Walau bagaimanapun, tiada sebab bagi pasukan-pasukan memberikan kemenangan percuma kepada pasukan lawan. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan mengambil tindakan dengan melaporkan kepada Ketua Kontinjen agar mengambil tindakan tegas kepada pihak yang terlibat dan bertanggungjawab.

8.0 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

8.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau Jawatankuasa Pengelola.

9.0 PERATURAN LAIN

9.1 Pemain yang gagal menghadirkan diri ke gelanggang untuk sesuatu acara selepas **lima (5) minit** panggil pertama dibuat akan dikira tidak bertanding dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pemain lawan yang hadir.

9.2 Seseorang pemain yang mengalami kecederaan atau kekejangan urat/otot semasa bermain akan diberi **lima (5) minit** untuk dipulihkan dengan kebenaran terlebih dahulu daripada Pengadil. Masa tambahan tidak akan dibenarkan lagi bagi kecederaan selanjutnya.

9.3 Seseorang pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Pengadil.

9.4 Tunjuk ajar (*Coaching*) dari Pengurus/Jurulatih Pasukan atau orang luar adalah dilarang semasa perlawanan berlangsung.

9.5 Pemain tidak dibenarkan untuk menukar bulu tangkis tanpa mendapat kebenaran daripada pengadil terlebih dahulu.

9.6 Pemain yang didapati merosakkan kelajuan bulu tangkis dengan sengaja akan diberi amaran oleh pengadil dan bagi kesalahan seterusnya permainan akan dibatalkan.

9.7 Pemain dibolehkan minum semasa permainan sedang berlangsung atas kebenaran pengadil sahaja.

9.8 Setiap pasukan adalah bebas untuk menentukan pemain yang layak bermain asalkan mengikut urutan perlawanan dan senarainya yang diserahkan sebelum perlawanan bermula.

9.9 Setiap pemain hendaklah menggunakan raket sendiri.

10.0 PERALATAN PERTANDINGAN

10.1 Pihak Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan Bulu Tangkis jenis '**RCL Titanium (77)**' atau yang setaraf dengannya.

11.0 PENGADIL

11.1 Jawatankuasa Pengangkat akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BADMINTON BERPASUKAN

tertakluk kepada Peraturan Am.

11.2 Laporan perlawaan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawaan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

12.0 DISIPLIN PASUKAN

12.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawaan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawaan dan pengadil perlawaan.

12.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am.

13.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

13.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.

14.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURI RAYUAN

14.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 22, Perkara 23 dan Perkara 24.

15.0 JADUAL PERLAWANAN

15.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawaan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawaan.

16.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

16.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Tetap Perkara 12.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

BADMINTON BERPASUKAN

17.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

Nama	:	Mohd Rizal
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Badminton Berpasukan
No. H/P	:	012-4558463
emel	:	

Nama	:	Tengku Khairol
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Badminton Berpasukan
No. H/P	:	012-2722974
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	Setiausaha Pertandingan Badminton Berpasukan
No. H/P	:	
emel	:	